

06/04/2002

Pelancong wajar dilayan dengan baik

LANGKAWI, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penduduk Langkawi harus sedar kepentingan melayani dan menarik lebih ramai pelancong ke pulau itu bagi memastikan pembangunan ekonomi yang berterusan.

Perdana Menteri berkata, kehadiran pelancong bermakna mereka membawa kekayaan ke Langkawi, sekali gus memberi banyak nikmat kepada penduduk tempatan.

Pada masa sama, beliau berkata, penduduk Langkawi jangan bersikap negatif terhadap kehadiran pelancong dengan mengeluarkan kata-kata buruk dan menganggap kedatangan mereka hanya sekali.

"Kita tahu negara jiran kita di utara memberi layanan cukup istimewa kepada pelancong. Kerana itulah, industri pelancongan mereka lebih maju. Jadi, tak rugi kalau kita berbaik-baik dengan orang," katanya.

Bercakap ketika merasmikan SkyMall, kedai bebas cukai milik DR Group Holdings Sdn Bhd (DR Group Holdings) di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat di sini, Dr Mahathir berkata, kerajaan menyediakan banyak kemudahan untuk memajukan industri pelancongan negara.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Pengerusi Barisan Nasional Langkawi, Tan Sri Sanusi Junid; Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian yang juga Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib dan Pengarah Urusan DR Group Holdings, Datuk Dahlan Rashid.

Katanya, walaupun kebanyakan belum diperlukan ketika ini, kemudahan itu perlu untuk mempromosikan destinasi pelancongan negara dan menarik lebih ramai kehadiran pelancong.

"Saya tertarik dengan konsep `supply driven'. Di Malaysia, kita menyediakan kemudahan dulu, selepas itu baru menarik orang datang. Sesetengah orang, sehingga ada permintaan, orang merungut tak cukup bilik, baru nak buat bilik.

"Sebab itu, sekarang di Langkawi, kita adakan kemudahan dulu dan selepas itu baru kita panggil orang. Di kawasan tidak ada permintaan untuk orang naik Gunung Machinchang, kita sedia kereta kabel," katanya.

Perdana Menteri berkata, Langkawi kini sudah jauh berubah berbanding sebelum ia diiktiraf sebagai pulau bebas cukai pada 1987 dan ketika beliau bertugas sebagai pegawai perubatan di Hospital Langkawi pada 1956.

"Waktu itu cuma ada dua kereta. Satu dimiliki doktor perubatan iaitu kenderaan milik kerajaan dan satu lagi milik pengurus ladang manakala jalan tar hanya sepanjang tiga batu (4.8 kilometer).

"Sekarang Langkawi mempunyai lapangan terbang dan terminal terbesar di Kedah. Terminal di Langkawi canggih kerana ia lebih menampakkan sebagai pusat beli-belah daripada kapal terbang mendarat," katanya.

Dr Mahathir juga menyambut baik usaha DR Group Holdings menaik taraf kedai bebas cukai di lapangan terbang itu dengan menggabungkan kedai kecil.

Katanya, banyak kedai pada mulanya dilihat kerap tutup kerana kurang maju tetapi ia kini nampak maju selepas DR Group Holdings menyediakan konsep payung kepada pemilik premis kecil itu.

DR Group Holdings, kumpulan syarikat milik Bumiputera sepenuhnya, melabur kira-kira RM3 juta untuk menaik taraf kedai bebas cukai SkyMall, sesuai dengan lokasinya sebagai pintu masuk utama ke pulau pelancongan utama negara.

Sky Mall yang memulakan operasi sepenuhnya 15 Januari lalu, diuruskan empat anak syarikat DR Group Holdings iaitu Jetty Point, Colours and Fragrances Sdn Bhd dan Multi Trading & Supply Sdn Bhd dan Chocolate Sales and Supply Sdn Bhd.

Keempat-empat syarikat itu terbabit khusus dalam penjualan barang berjenama iaitu minyak wangi, coklat, pakaian, kosmetik dan cendera hati.

(END)